

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DR. ONG KIAN MING [SERDANG]

SOALAN :

Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peserta dalam program Graduate Employability Management Scheme (GEMS) mengikut sektor sasaran dan jumlah peserta yang berjaya mendapatkan pekerjaan melalui program ini.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program *Graduate Employability Management Scheme* (GEMS), yang diterajui oleh Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) sejak Disember 2012, berfokus khas kepada graduan yang menganggur lebih dari enam bulan. Rangka kerja GEMS menekankan aspek *sector-focused* dan *demand-driven* berorientasikan kepada pendedahan pekerjaan sebenar serta memastikan graduan dilengkапkan dengan kemahiran dan pengalaman yang relevan selaras keperluan industri.

Selain daripada Program GEMS, TalentCorp memperkenalkan Program *Upskilling* yang juga berfungsi untuk meningkatkan ketersediaan bakat tempatan dan memberi peluang pekerjaan untuk pekerjaan berkemahiran tinggi di kalangan graduan tempatan selaras dengan keperluan kemahiran teknikal bagi menerajui Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Melalui rangka kerja “*place-and-train*”, hampir 100% daripada peserta GEMS dan *Upskilling* menerima sekurang-kurangnya kontrak pekerjaan selama setahun dengan hos organisasi apabila mendaftar di bawah program ini. Pada tahun 2013 hingga 2014, Program GEMS dan *Upskilling* telah melatih seramai 9,656 graduan mengikut sektor seperti berikut:

Sektor	Bilangan Peserta
Kemahiran insani generik <i>(generic soft skills)</i>	2,299
Elekrik dan Elektronik	1,734
SME/Keusahawanan	1,222
ICT	789
FMCG	757
Hospitaliti	645
Minyak & Gas	496
Bioteknologi	434
Perakaunan	428
Perkongsian perkhidmatan dan penyumberan luar (SSO)	425
Automotif	254
Telekomunikasi	108
Lain-lain bidang kejuruteraan	65

Sekian, terima kasih.

RT23/273

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN GOBIND SINGH DEO
DARIPADA [PUCHONG]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa sekolah sama ada jenis Kebangsaan, Cina, Tamil ataupun agama yang wujud di Puchong dan sama ada ianya mencukupi untuk menampung pelajar di situ untuk 10 tahun akan datang. Apakah tindakan Kementerian untuk mengatasi masalah kekurangan sekolah di kawasan Puchong dalam jangkamasa ini.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha menyediakan kemudahan pendidikan yang mencukupi terutamanya di kawasan-kawasan padat yang memerlukan sekolah. Dalam perkara ini, KPM sememangnya bercadang membina sekolah baharu dan bangunan tambahan dalam perancangan pembangunan pendidikan RMKe-11 di kawasan Puchong. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya tertakluk kepada kelulusan agensi pusat dan kemampuan kewangan negara.

Berdasarkan Data Modul Pengurusan Sekolah seperti pada 31 Januari 2015 bilangan sekolah mengikut jenis yang beroperasi di kawasan Puchong ialah seperti berikut :

KUMPULAN/JENIS SEKOLAH	BILANGAN SEKOLAH
Sek. Ren. Kebangsaan	14
Sek. Ren. Jenis Kebangsaan (C)	3
Sek. Ren. Jenis Kebangsaan (T)	3
Sek. Men. Kebangsaan	10
JUMLAH	30

Untuk makluman, jumlah sekolah tersebut merupakan sekolah yang beroperasi sahaja. Manakala Sek. Ren. Kebangsaan merangkumi semua bilangan SK, SABK Agama,SK Khas, SK Asli, dan Model Komprehensif K9. Bagi Sek. Men. Kebangsaan pula, ianya merangkumi bilangan SMK sahaja.